

16/11/1997

Kedah cadang usaha sama dengan Wilayah Oita

LANGKAWI: Kedah bercadang mengadakan beberapa usaha sama dengan Wilayah Oita di Jepun dalam bidang industri sederhana, pertanian dan pelancongan, kata Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid.

Beliau berkata berdasarkan kepada hubungan yang semakin erat antara wilayah itu dengan penubuhan Institut Latihan Oita-Kedah di Sik, Kedah, wujud potensi yang luas khususnya dalam konteks "perkongsian pintar".

Ketika bercakap selepas perasmian Persidangan Kemuncak Pertukaran Peringkat Wilayah Asia-Kyushu Keempat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini, beliau berkata Wilayah Oita boleh membantu dalam bidang pelancongan dengan memasarkan Langkawi sebagai destinasi yang menarik.

Sanusi berkata institut latihan itu akan membolehkan pertukaran lawatan diadakan antara pegawai kedua-dua pihak untuk mempelajari pelaksanaan pelbagai projek dalam bidang sosio ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan kedua-dua wilayah itu.

Kedua-dua pihak sedang berbincang mengenai kemungkinan untuk menjalankan projek perkampungan buku di Oita. Langkawi memiliki perkampungan buku yang pertama di Asia dan ketujuh di dunia.

Terdahulu, ketika membentangkan kertas kerjanya mengenai "Perubahan dan Pembangunan Sosial" di persidangan itu, Sanusi berkata apabila beliau mengambil alih teraju pemerintahan kerajaan negeri Kedah, beberapa ide dan pendekatan baru telah diperkenalkan untuk mempertingkatkan mutu pentadbiran dan strategi pembangunan di negeri itu.

(END)